

ADVISORY NOTE NO. 1/2026

PANDUAN PRINSIP PENILAIAN HASIL PEMBELAJARAN PELAJAR

PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan beberapa dokumen kualiti yang menggariskan pelbagai perspektif prinsip dan piawaian penilaian pelajar. Ini termasuk *Guidelines to Good Practices: Assessment of Student Learning (Second Edition)* pada tahun 2023 sebagai rujukan kepada semua pihak berkepentingan. Garis panduan penilaian pelajar juga turut diterangkan daripada perspektif khusus bidang dan tahap pengajian dalam standard program yang antara lain turut membuat kenyataan khusus berkenaan penilaian.
2. Selaras dengan itu, MQA mengambil inisiatif untuk membangunkan *Advisory Note* ini sebagai perluasan dan penambahbaikan terhadap panduan sedia ada. Justeru, tujuan panduan ini adalah untuk memberi penjelasan lanjut mengenai prinsip, amalan terbaik, fleksibiliti dan autonomi institusi dalam pelaksanaan penilaian pelajar secara umum, penilaian berterusan dan penilaian akhir secara khusus.
3. Panduan ini dikhususkan kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), Ahli Panel Penilai (APP) dan Pegawai MQA sebagai rujukan dan panduan semasa pembangunan, penawaran serta penilaian program pengajian akreditasi MQA agar penilaian pembelajaran pelajar dapat dilaksanakan secara holistik dan berkesan selaras dengan hasil pembelajaran yang ditetapkan.

PRINSIP DAN KONSEP PENILAIAN PELAJAR BERASASKAN KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)

Prinsip Utama Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) Berlandaskan MQF

4. Pembelajaran Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education, OBE) merupakan prinsip asas yang menjadi teras kepada MQF dan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia. Prinsip ini menekankan penetapan matlamat pembelajaran yang jelas dengan tumpuan khusus kepada pencapaian hasil akhir yang diinginkan iaitu pengetahuan, pemahaman dan keupayaan yang seharusnya ditunjukkan oleh pelajar pada akhir proses pembelajaran.
5. MQF melaksanakan pendekatan OBE dengan menetapkan 8 tahap kelayakan (Tahap 1 hingga 8) dan menghuraikan hasil pembelajaran yang diharapkan bagi setiap tahap. Hasil pembelajaran ini distrukturkan kepada lima kluster utama iaitu:

(1) Pengetahuan dan Kefahaman; (2) Kemahiran Kognitif; (3) Kemahiran Kerja Fungsian yang merangkumi kemahiran praktikal, interpersonal, komunikasi, digital, numerasi, dan kepimpinan; (4) Kemahiran Personal dan Keusahawanan; serta (5) Etika dan Profesionalisme.

6. Dokumen utama MQA seperti Kod Amalan Akreditasi Program mewajibkan semua program direka bentuk dan disampaikan selari dengan OBE dan MQF.

Penilaian Berasaskan Hasil dan Pelaksanaan Penjajaran Konstruktif daripada Hasil Pembelajaran ke Penggredan

7. Penilaian dalam konteks OBE terbahagi kepada formatif dan sumatif. Penilaian formatif memantau kemajuan dan memberi maklum balas untuk penambahbaikan pembelajaran. Penilaian sumatif, sama ada berbentuk penilaian berterusan atau akhir, mengukur pencapaian pelajar seterusnya menentukan markah dan gred berdasarkan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.
8. Penilaian Berasaskan Hasil (Outcome-Based Assessment, OBA) merupakan pendekatan yang selari dengan prinsip OBE. Pelaksanaan penilaian ini berasaskan konsep Penjajaran Konstruktif yang menuntut semua aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penilaian direka bentuk secara sistematik bagi memastikan keselarasan serta keberkesanan dalam mengukur pencapaian hasil pembelajaran.
9. Proses ini dapat dirumuskan berasaskan prinsip Penjajaran Konstruktif seperti berikut:
 - **Hasil Pembelajaran sebagai Kriteria:** penilaian dijalankan dengan merujuk kepada kriteria yang ditentukan oleh hasil pembelajaran yang telah ditetapkan terlebih dahulu.
 - **Kriteria Prestasi:** hasil pembelajaran yang bersifat umum dipecahkan kepada pernyataan lebih spesifik yang boleh diukur bagi menjelaskan pengetahuan, kemahiran, dan tingkah laku yang perlu ditunjukkan oleh pelajar sebagai penunjuk pencapaian.
 - **Instrumen/ Rubrik Penilaian:** Kriteria prestasi ini lazimnya disusun dalam bentuk rubrik penilaian, iaitu instrumen pemarkahan berstruktur yang menerangkan tahap kualiti prestasi yang berbeza bagi setiap kriteria yang ditetapkan. Penggunaan instrumen/ rubrik membolehkan proses pemarkahan dijalankan secara objektif, konsisten dan telus.
 - **Pengesahan Pencapaian dan Penggredan:** Melalui penggunaan instrumen/rubrik, penilai dapat mengesahkan tahap pencapaian pelajar, menetapkan markah dan memberikan gred yang selaras dengan kriteria prestasi yang telah ditentukan secara sistematik dan berintegriti.

Kerangka Penilaian dan Hubungan antara Penilaian Berterusan dan Penilaian Akhir

10. Kerangka penilaian adalah alat perancangan praktikal yang menterjemahkan prinsip OBA kepada struktur yang terurus bagi sesuatu kursus.

- **Pelan Penilaian Kursus:** merujuk kepada satu kerangka perancangan peringkat makro merangkumi keseluruhan aktiviti penilaian bagi sesuatu kursus. Ia memperincikan kaedah penilaian yang akan digunakan, pemetaan setiap tugas penilaian kepada hasil pembelajaran kursus yang spesifik dan menetapkan pemberat bagi setiap komponen penilaian. Penetapan pemberat ini perlu selaras dengan tahap penekanan dan Masa Pembelajaran Pelajar yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti penilaian tersebut.
- **Jadual Spesifikasi Ujian:** ialah perancangan terperinci di peringkat mikro bagi sesuatu instrumen penilaian seperti peperiksaan akhir. Ia berfungsi untuk memetakan setiap item soalan kepada hasil pembelajaran kursus, topik yang diuji, dan aras taksonomi yang dinilai. Penyediaan jadual ini bertujuan untuk memastikan instrumen penilaian mempunyai kesahihan, kebolehpercayaan dan keseimbangan daripada segi kandungan serta tahap kesukaran.

Pelan Penilaian Kursus inilah yang menjadi instrumen penting untuk menentukan perancangan penilaian berterusan dan penilaian akhir. Matlamat utama pembahagian ini adalah untuk menilai hasil pembelajaran secara sah.

PERANAN SISTEM KUALITI DALAMAN INSTITUSI

11. PPT mempunyai autonomi untuk menetapkan pendekatan penilaian formatif dan sumatif serta pembahagian pemarkahan dan ketetapan pencapaian hasil pembelajaran pelajar bagi penilaian berterusan dan penilaian akhir. Dalam pada itu, autonomi perlu dilaksanakan melalui sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap bagi memastikan setiap pelajar telah mencapai semua hasil pembelajaran yang ditetapkan.

12. Sistem kualiti dalaman institusi memainkan peranan penting untuk:

- **Menegakkan Prinsip Penilaian:** Memastikan semua amalan penilaian adalah selari dengan prinsip OBA, berpusatkan pelajar, dan dilaksanakan secara adil, telus, sah dan boleh dipercayai.
- **Memastikan Pencapaian Hasil Pembelajaran:** Memantau dan mengesahkan bahawa gabungan penilaian berterusan dan penilaian akhir yang dirancang secara komprehensif dapat mengukur pencapaian semua hasil pembelajaran kursus dalam sesuatu program. Ini termasuk melaksanakan inisiatif pemulihan, pengukuhan dan penambahbaikan yang bersesuaian.
- **Mendorong Inovasi Berterusan:** Menggalakkan inovasi dalam kaedah penilaian bagi memenuhi keperluan kesesuaian dan keluwesan pelbagai bidang

serta tahap pengajian termasuk pendekatan pengajian yang berbeza seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, pembelajaran berasaskan kerja, dan pembelajaran terbuka dan jarak jauh.

13. Bagi program profesional penetapan komponen penilaian adalah ditentukan oleh Badan Profesional yang berkenaan.

PENUTUP

14. Keberkesanan penilaian pembelajaran pelajar bergantung pada pemahaman yang jelas tentang prinsip asas dan pelaksanaan yang konsisten melalui sistem jaminan kualiti yang kukuh. Walaupun terdapat standard/ standard program yang menyatakan keperluan tertentu dalam penilaian, PPT mempunyai **autonomi** untuk menetapkan pendekatan penilaian serta pembahagian pemarkahan dan penentuan pencapaian hasil pembelajaran pelajar bagi penilaian berterusan dan penilaian akhir yang bersesuaian mengikut bidang serta tahap pengajian asalkan pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan diukur dengan tepat, telus dan adil.
15. Adalah menjadi harapan agar panduan ini dapat memperkukuh amalan penilaian di peringkat institusi. Kerjasama yang erat antara semua pihak, ahli akademik, penilai, dan MQA adalah amat penting untuk memacu penjaminan kualiti yang progresif. Ini seterusnya akan memastikan pembangunan program pengajian yang ditawarkan kekal berdaya saing, relevan, dan mampu mendepani cabaran masa hadapan.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

28 Januari 2026

SENARAI RUJUKAN:

Malaysian Qualifications Agency. (2024). Malaysian Qualifications Framework (MQF) Second Edition (2024). Malaysian Qualifications Agency.

Malaysian Qualifications Agency. (2017). Code of Practice for Programme Accreditation (Second Edition). Malaysian Qualifications Agency.

Malaysian Qualifications Agency. (2019). Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning (Second Edition). Malaysian Qualifications Agency.

Malaysian Qualifications Agency. (2020). Code of Practice for TVET Programme Accreditation (Second Edition). Malaysian Qualifications Agency.

Malaysian Qualifications Agency. (2023). Guidelines to Good Practices: Assessment of Student Learning (Second Edition). Malaysian Qualifications Agency.